



Rujukan : UKM HTM. 3/224/2/4

Tarikh : 14 April 2026

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 6/2026

Ketua/ Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENGUATKUASAAN PENERIMAAN DAN PENGESAHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN ATAU KERJA DI JABATAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran Kewangan Bil. 1/2023 bertarikh 20 Februari 2023 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, Jabatan/ PTj bertanggungjawab untuk membuat semakan, pengesahan dan perakuan berkaitan kesempurnaan bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang diterima/ dilaksanakan daripada syarikat/ kontraktor. Sekiranya melibatkan bayaran kemajuan bagi kerja, PTj hendaklah memperakukan nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan dengan sempurna. Dokumen sokongan kewangan termasuk Sijil Tauliahguna, Borang Aduan, serta dokumen lain yang berkaitan hendaklah disertakan dengan lengkap dan tepat.

3. Adalah diingatkan bahawa jabatan/ PTj perlu menyemak dan memastikan dokumen kewangan lengkap seperti di bawah :-

Dokumen	Sistem (eP@UKM)	Manual
Invois	Pengesahan di sistem oleh pegawai gred 9 dan ke atas	Pengesahan pada dokumen fizikal (tandatangan, nama dan tarikh pengesahan) oleh pegawai gred 9 dan ke atas
Nota Hantaran/ Laporan Perkhidmatan/ Lembaran Kerja (Job Sheet)	Perakuan penerimaan pada dokumen fizikal (tandatangan, nama dan tarikh penerimaan bekalan/ pelaksanaan perkhidmatan/ kerja)	

Nota : Pegawai penerima dan pegawai pengesah mestilah terdiri daripada **dua (2) orang pegawai yang berbeza** bagi memastikan pelaksanaan proses kawalan semakan. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan berlaku ketidakpatuhan dan berisiko untuk berlaku salahguna serta penyelewangan dalam proses pengurusan kewangan universiti.




4. Dengan berkuatkuasanya surat edaran ini, maka Surat Edaran Kewangan Bil. 01/2023 bertarikh 20 Februari 2023 adalah terbatal.

5. Sukacita YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan. Sebarang pertanyaan, boleh berhubung dengan Bahagian Bayaran, Jabatan Kewangan di sambungan 9290 (Puan Nabilah binti Azaman) / 5187 (Puan Liyana Najihah binti Jamal).

Sekian, kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

“Cekap, Pantas, Mesra”

Yang benar,


SURAYA BINTI ABDUL HAMID C.A. (M)
Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM

s.k. - **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



BAHAGIAN BAYARAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 9290 / 5239 E-mel: ubp@hctm.ukm.edu.my Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my